

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**ACW121 - Perakaunan Pengurusan 1**

Masa : 3 jam

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini

Jawab **EMPAT** soalan.

Soalan I (25 markah)

Syarikat Northwood membuat sejenis bola keranjang yang dijual **pada** harga RM25 seunit. Buat masa **ini** pengeluaran bola **tersebut** dijalankan di sebuah loji **kecil** dengan sebahagian besar kos pengeluarannya terdiri **dari** buruh langsung. Ini menyebabkan kos **berubah** seunit bola adalah RM15 seunit. **Pada** tahun lalu, Northwood telah menjual 30,000 biji bola dengan keputusan **operasi** seperti berikut:

Jualan (30,000 biji).....	RM750,000
Tolak: Belanja berubah .....	<u>450,000</u>
Margin caruman .....	300,000
Tolak: Belanja tetap .....	<u>3 10,000</u>
Pendapatan bersih	<u>RM90,000</u>

Dikehendaki:

- (i) Kirakan nisbah margin caruman, titik pulang modal (TPM) dalam unit, dan darjah keumpulan **operasi pada paras** jualan tahun lalu.  
[ 3 markah ]
- (ii) Disebabkan kenaikan kadar upahan buruh, syarikat menganggarkan kos berubah akan meningkat **lagi** sebanyak RM3 seunit bola. Kirakan nisbah caruman yang **baru** dan TPM dalam unit.  
[ 2 markah ]
- (iii) Dengan **merujuk** kepada (ii), sekiranya perubahan yang dijangkakan itu sebenarnya berlaku, berapa unit perlu dijual untuk mendapatkan pendapatan yang **sama** (RM90,000) seperti tahun lalu?  
[ 2 markah ]
- (iv) Dengan **merujuk** kepada (ii), Pengarah urusan syarikat merasakan harga seunit bola perlu dinaikkan. Sekiranya syarikat **ingin** mengekalkan nisbah caruman seperti tahun lalu, berapakah harga yang **perlu** ditetapkan untuk menampung kenaikan kos buruh?  
[ 3 markah ]
- (v) Dengan merujuk kepada data **asal**, syarikat sedang menimbang untuk membina sebuah loji berautomasi yang **baru** untuk mengeluarkan jenis bola yang **sama**. Loji **baru** akan dapat mengurangkan kos berubah sebanyak 40%, dan **pada** masa yang **sama** menggandakan kos tetap **setahun**. Jika loji **baru** itu dibina, berapakah nisbah caruman syarikat dan TPM **dalam** unit?  
[ 4 markah ]
- (vi) Dengan merujuk kepada (v), sekiranya loji itu dibina, berapa unit bola perlu dijual untuk mendapatkan pendapatan yang **sama** (RM90,000) seperti tahun lalu?  
[ 2 markah ]

.3/-

- (vii) Andaikan loji baru itu dibina tahun hadapan dan syarikat akan mengeluarkan dan **menjual 30,000** unit bola. Sediakan penyata pendapatan yang menunjukkan margin caruman dan kirakan keumpulan **operasi** syarikat.

[ 2 markah ]

- (viii) Sekiranya **anda** menganggotai pengurusan atasan Syarikat Not-thwood, adakah **anda** akan bersetuju dengan pembinaan loji baru itu?

[ 1 markah ]

- (ix) Bincangkan tiga andaian yang dibuat untuk memudahkan analisis TPM. Jelaskan implikasi setiap andaian itu.

[ 6 markah ]

Soalan 2 (25 markah)

Syarikat **Minden** menggunakan sistem pengkosan proses. **Minden** mengeluarkan sejenis barangan yang **diproses** melalui dua jabatan, A dan B. Di Jabatan A, bahan dimasukkan **pada** permulaan proses; di Jabatan B bahan tambahan dimasukkan di akhir proses. Di kedua-dua jabatan, kos pertukaran ("conversion costs") berlaku seragam sepanjang proses pengeluaran. Ketja-kerja yang siap dipindahkan keluar. Berikut diberikan ringkasan aktiviti pengeluaran dan kos bagi bulan November:

	Jabatan A	Jabatan B
Inventori awal:		
Unit fizikal	5,000	8,000
Kos:		
Pindah masuk	--	RM45,320
Bahan <b>langsung</b>	RM10,000	---
Pertukaran	RM 6,900	RM16,800
Pengeluaran semasa:		
Unit dimulakan	25,000	?
Unit dipindah keluar	28,000	33,000
Kos:		
Pindah masuk	---	?
Bahan <b>langsung</b>	RM57,800	RM37,950
Pertukaran	RM95,220	RM128,100
Peratusan siap:		
Inventori awal	40%	50%
Inventori akhir	80%	50%

Dikehendaki:

- (i) Dengan menggunakan kaedah purata wajaran, sediakan penyata kos pengeluaran bagi Jabatan A yang menunjukkan: (a) aliran unit fizikal, (b) pengiraan unit setara, (c) pengiraan kos seunit, (d) kos inventori akhir kerja dalam proses, dan (e) penyesuaian kos.  
[ 8 markah ]
- (ii) Sediakan **catatan jurnal** yang menunjukkan aliran kos pengeluaran bagi Jabatan A.  
[ 3 markah ]
- (iii) Lakukan seperti yang dikehendaki di (i) dan (ii) bagi Jabatan B.  
[ 14 markah ]

Soalan 3 (25 markah)

Gambir Garden Sdn Bhd menjual bekalan untuk **taman bunga**. Pihak **pengurusan** syarikat sedang merancang **keperluan tunai** bagi suku tahun kedua. Gambir Garden biasanya perlu meminjam **wang** dalam suku tahun ini untuk menyokong permintaan yang meningkat dalam bulan Mei. Maklumat berikut telah dikumpul untuk membantu penyediaan belanjawan **tunai** bagi suku tahun kedua:

Belanjawan Penyata Pendapatan bagi April hingga Julai adalah seperti berikut:

	<b>April</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>	<b>Julai</b>
Jualan	RM600,000	RM900,000	RM500,000	RM400,000
Kos barang dijual	420,000	630,000	350,000	280,000
Margin kasar	180,000	270,000	150,000	120,000
Tolak belanja <b>operasi</b> :				
Belanja jualan	79,000	120,000	62,000	51,000
Belanja pentadbiran*	45,000	52,000	41,000	38,000
Jumlah belanja	124,000	172,000	103,000	89,000
Pendapatan bersih	56,000	98,000	47,000	31,000

\* Termasuk RM20,000 susutnilai setiap bulan

**Maklumat tambahan:**

- (a) Jualan adalah 20% secara **tunai** dan 80% secara kredit
- (b) Kutipan bayaran dari jualan kredit diterima dalam tempoh tiga bulan dengan corak nisbah seperti berikut: 10% dikutip di **dalam bulan jualan** dilakukan; 70% dikutip dalam bulan pertama selepas bulan jualan **dibuat**; 20% lagi dikutip dalam bulan kedua selepas **bulan jualan** dibuat. **Jualan** dalam bulan Februari dan Mac masing-masing adalah RM200,000 dan RM300,000.

...5/-

- (c) Belian inventori dibayar dalam **masa 15 hari** dari tarikh pembelian. Maka lima puluh peratus dari belian inventori sesebulan dibayar di dalam bulan belian itu sendiri dan lima puluh peratus **lagi** di dalam bulan yang berikutnya. Akaun belum bayar **pada 31 Mac** (**bagi** belian inventori barangniaga dalam bulan Mac) berjumlah RM126,000.
- (d) **Pada** setiap akhir bulan inventori harus berada **pada paras 20%** daripada kos barangniaga yang akan dijual dalam bulan yang berikutnya. Inventori barangniaga **pada 31 Mac** ialah RM84,000.
- (e) Dividen berjumlah RM49,000 akan diisytihar dan dibayar dalam bulan April.
- (f) Peralatan berharga RM16,000 akan dibeli secara **tunai** dalam bulan Mei.
- (g) Baki **tunai pada 31 Mac** ialah RM52,000. Syarikat harus sentiasa mengekalkan baki **tunai** sekurang-kurangnya RM40,000.
- (h) Syarikat boleh meminjam dari bank bila perlu menampung akaun tunainya. Pinjaman dan bayaran balik harus dilakukan **pada** kelompok RM1,000. Semua pinjaman dilakukan **pada** awal bulan dan sebarang bayaran balik dibuat **pada** akhir sesuatu bulan. **Kadar** faedah pinjaman ialah 12% setahun. Pengiraan faedah perlu dilakukan mengikut bulan sepenuhnya (contoh,  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{2}{12}$  dan sebagainya).

Dikehendaki:

- (i) Sediakan jadual anggaran penerimaan **tunai** dari jualan **bagi** bulan April, Mei dan Jun dan jumlah untuk suku tahun berkenaan.  
[ 8 markah ]
- (ii) **Bagi** inventori barangniaga, sediakan:
  - (1) belanjawan belian inventori **bagi** bulan April, Mei dan Jun,  
[ 4 markah ]
  - (2) jadual pembayaran **tunai bagi** bulan April, Mei dan Jun.  
[ 4 markah ]
- (iii) Sediakan belanjawan **tunai bagi** bulan April, Mei dan Jun dan jumlah untuk suku tahun itu. Tunjukkan pinjaman bank dan bayaran balik yang diperlukan untuk memastikan syarikat sentiasa mempunyai baki **tunai** minimum.  
[ 9 markah ]

Soalan 4 (25 markah)

- (a) Syarikat Pengilangan Kahir menggunakan pengkosaan kerja. Dua kategori kos **langsung** yang terdapat ialah bahan **langsung** dan buruh langsung. Overhed kilang (berubah **dan** tetap) diperuntukkan kepada barangan berasaskan piawai jam buruh langsung. **Pada** awal tahun 2001, syarikat telah menggunakan piawai berikut untuk kos **pengeluarannya**:

<u>Unsur kos</u>	<u>Input</u>	<u>Kos seunit keluaran</u>
Bahan <b>langsung</b> .....	3 kg @ RM5.00/kg .....	RM15.00
Buruh <b>langsung</b> .....	5 jam @ RM15/jam .....	RM75.00
Overhed kilang:		
Berubah .....	RM6/jam buruh .....	RM30.00
Tetap .....	RM8/jam buruh .....	RM40.00
Kos pengilangan piawai seunit		<u>RM160.00</u>

**Paras** yang digunakan untuk pengiraan piawai overhed ialah 40,000 jam buruh. Belanjawan fleksibel syarikat untuk **Januari 2001** berasaskan **paras** ini. Rekod bagi bulan Januari 2001 menunjukkan perkara-perkara berikut:

<b>Belian</b> bahan mentah	25,000 kg @ RM5.20 sekilogram
Bahan <b>langsung</b> digunakan	23,100 kg
Buruh <b>langsung</b> digunakan	40,100 jam @ RM14.60 sejam
Jumlah overhed (berubah dan tetap) sebenar	RM600,000
Pengeluaran sebenar	7,800 unit

Dikehendaki:

- (i) Sediakan satu **jadual** yang **menunjukkan** kos piawai bagi 7,800 unit pengeluaran..
- [ 2 markah ]
- (ii) Bagi bulan Januari 2001, tentukan varians-variens berikut:
- (1) Harga bahan **langsung**
  - (2) Kuantiti bahan **langsung**
  - (3) Kadar buruh **langsung**
  - (4) Kecekapan buruh **langsung**
  - (5) **Jumlah** belanja overhed
  - (6) Kecekapan overhed berubah
  - (7) **Volum** pengeluaran (overhed)
- [ 14 markah ]

- (b) Berikut adalah baki kos piawai dan varians sebelum dibahagikan kepada beberapa akaun:

Kerja dalam proses RM1 80,000  
Barangsiap RM720,000  
Kos barang dijual RM900,000  
Varian volum pengeluaran RM50,000 (P)  
Lain-lain varians pengeluaran RM330,000 (N)

Pihak pengurusan bersetuju untuk membahagikan semua varians berasaskan nisbah baki akhir (sebelum bahagikan) di antara kerja dalam proses, barangsiap dan kos barang dijual.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan satu jadual pembahagian varians pengeluaran.

[ 6 markah ]

- (ii) Sediakan catatan jumlah untuk menutup semua akaun varians.

[ 3 markah ]

Soalan 5 (25 markah)

- (a) Blade Products Sdn Bhd (Blade) pembuat rollerblades adalah salah satu anak syarikat Amalgamated Stuffs Sdn Bhd. Memandangkan aktiviti kecergasan fizikal yang semakin popular, pengurus Blade menjangkakan sambutan yang baik terhadap barangannya. Dalam tahun pertama beroperasi, Blade telah melaporkan kepada pemegang sahamnya pendapatan seperti berikut:

Penyata Pendapatan  
Tahun Berakhir 31 Disember, 2000

Jualan (@ RM85 seunit)	RM42,500,000
Tolak: Kos barang dijual (@RM65 seunit*)	<u>32,500,000</u>
Margin kasar	10,000,000
Tolak: Jualan dan pentadbiran**	<u>5,125,000</u>
Pendapatan bersih	<u>RM 4,875,000</u>

* Bahan langsung	RM24
Buruh langsung	12
Overhead berubah	15
Overhead tetap	<u>14</u>
Jumlah	<u>65</u>

\*\*RM6.25 seunit berubah; RM2,000,000 tetap + (RM6.25 x 500,000 unit jualan) = RM5,125,000

Dalam tahun 2000, Blade mengeluarkan 100,000 unit lebih dari yang dijual kerana jualan telah berkurang dari **apa** yang dijangka. **Pengurus** bahagian percaya pengurangan jualan ini adalah disebabkan ekonomi yang lembab **tetapi** beliau yakin bahawa jualan pada tahun hadapan akan meningkat 20%. Overhead diserapkan berasaskan unit keluaran dengan menggunakan aktiviti sebenar yang dijangka. Sebarang overhead yang berkurang atau terlebih serap **ditutup** ke Akaun Kos Barang Dijual. Bagi tahun 2000, tiada sebarang overhead berkurang atau terlebih serap.

Bagi tahun 2001, kos tetap, kos berubah seunit dan harga jualan seunit tidak berubah. Belanjawan kos tetap menyamai kos tetap sebenar. Dalam tahun 2001, Blade mengeluarkan 500,000 unit **dan menjual** 600,000 unit. Pengeluaran pula didapati 100,000 unit berkurang dari yang dijangka disebabkan masalah peralatan yang tidak diduga. Bagaimanapun, **pengurus** Blade **berpuashati** dengan peningkatan jualan 20% yang dicapai dan kos pengeluaran adalah seperti yang dirancang.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan penyata pendapatan tahun 2001 untuk keperluan pemegang saham. Adakah pendapatan **menurun atau** meningkat? Apakah pendapat **anda** tentang **reaksi syarikat** induk, Amalgamated Stuff, mengenali penyata pendapatan ini? Bagaimana pula reaksi **pengurus** Blade?  
[ 4 markah ]
- (ii) Sediakan penyata pendapatan pengkosan berubah bagi tahun 2000 dan 2001. Bagaimanakah agaknya reaksi Amalgamated Stuff sekarang?  
[ 6 markah ]
- (iii) Sesuai dan jelaskan perbezaan di **antara** angka-angka pendapatan pengkosan berubah dan pendapatan pengkosan serapan **bagi** tahun 2000 dan 2001.  
[ 4 markah ]
- (iv) **Penyata** pendapatan yang manakah (pengkosan berubah atau pengkosan serapan) yang lebih digemari **oleh Pengurus** Blade. Kenapa?  
[ 2 markah ]
- (b) Bincangkan kebangkitan Sistem Pengkosan Berasaskan Aktiviti (ABC). Huraikan ciri-ciri **atau** keadaan yang  **mungkin** menjadi petanda bahawa **sistem** pengkosan yang sedia **ada** sudah usang.  
[ 9 markah ]